

**PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG SYARIAH DALAM  
MENANGANI GEJALA PENGABAIAAN TANGGUNGJAWAB  
KELUARGA DI MALAYSIA**  
***ENFORCEMENT OF SHARIA LAW IN ADDRESSING THE ISSUE  
OF NEGLECT OF FAMILY RESPONSIBILITIES IN MALAYSIA***

Muhammad Addi Zawawi Bin Azman<sup>1</sup>, Mohammad Ramzi Bin Zakaria<sup>1</sup> Mohd Saifuddin Bin Abdul Karim<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kuliyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang, Malaysia

**Abstrak**

Pengabaian tanggungjawab keluarga merupakan isu yang semakin membimbangkan dalam masyarakat Islam di Malaysia. Kegagalan suami dan isteri menunaikan hak dan tanggungjawab masing-masing, termasuk pemberian nafkah, pengabaian keibubapaan, dan perceraian luar mahkamah, boleh menjejaskan keharmonian rumah tangga serta pembangunan sosial dan moral. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kaedah doktrinal, bagi mengenal pasti bentuk pengabaian tanggungjawab keluarga dalam kalangan masyarakat Islam serta peranan undang-undang Syariah dalam menanganinya. Penyelidikan ini juga menekankan peranan penguatkuasaan undang-undang Syariah, terutamanya melalui Akta 303 dan peruntukan berkaitan, dalam menangani gejala tersebut. Mahkamah Syariah bersama agensi agama seperti Bahagian Sokongan Keluarga dan Jabatan Agama Negeri memainkan peranan penting dalam memastikan hak keluarga Islam dipelihara. Kajian ini turut membincangkan cabaran penguatkuasaan serta cadangan penambahbaikan melalui pendidikan, kerjasama agensi, dan pemantapan sistem penguatkuasaan.

**Keywords:** Pengabaian, undang-undang Syariah, nafkah, *qiwamah*, perceraian

**Abstract**

*The neglect of family responsibilities has become an increasingly concerning issue within the Muslim community in Malaysia. The failure of husbands and wives to fulfill their respective rights and obligations—including the provision of maintenance (nafkah), parental neglect, and extrajudicial divorce—can undermine household harmony as well as social and moral development. This study adopts a qualitative approach using the doctrinal method to identify forms of neglect of family responsibilities among the Muslim community and to examine the role of Sharia law in addressing these issues. The research also emphasizes the role of Sharia law enforcement, particularly through Act 303 and related provisions, in tackling such problems. The Sharia Courts, together with religious agencies such as the Family Support Division and State Religious*

*Perkembangan Artikel*

Diterima: 27 Februari 2026

Disemak: 7 April 2026

Diterbit: 30 April 2026

\*Corresponding Author:

Muhammad Addi Zawawi bin Azman

[Email: addizawawi12@yahoo.com](mailto:addizawawi12@yahoo.com)

*Departments, play a crucial role in ensuring that the rights of Muslim families are protected. The study further discusses enforcement challenges and proposes improvements through education, inter-agency collaboration, and the strengthening of enforcement systems.*

*Keywords: Neglect, Sharia law, maintenance (nafkah), qiwamah, divorce*

## PENGENALAN

Islam mensyariatkan institusi perkahwinan dengan menetapkan garis panduan yang lengkap dan berasaskan prinsip syariah yang kukuh bagi memastikan kestabilan sosial, kebahagiaan rumah tangga, penyebaran kebaikan serta pemeliharaan akhlak dalam masyarakat (Yusof, 2019). Allah SWT berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: Di antara tanda-tanda (kebesaran)-Nya ialah bahwa Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari (jenis) dirimu sendiri agar kamu merasa tenteram kepadanya. Dia menjadikan di antaramu rasa cinta dan kasih sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berpikir.

Ayat di atas jelas menunjukkan, setiap pasangan yang sah di sisi syarak melalui akad nikah berkewajipan menunaikan hak dan tanggungjawab masing-masing sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT bagi membina kehidupan rumah tangga yang sejahtera, damai dan penuh keharmonian (Ismail, 2024).

Menjadi kewajipan bagi suami dan isteri untuk memastikan semua hak yang berkaitan antara mereka dipenuhi dengan sebaik-baiknya. Sebagai ketua keluarga, suami memegang peranan utama dalam memelihara dan menunaikan hak-hak tersebut demi menjamin keharmonian rumah tangga. Tanggungjawab memimpin keluarga merupakan amanah yang besar dan memerlukan komitmen yang tinggi. Sekiranya hak dan tanggungjawab ini diabaikan, ia berpotensi menimbulkan kekacauan serta membawa kepada keretakan dan keruntuhan institusi perkahwinan (Muhammad & Jasmi, 2004).

Namun begitu, dalam realiti masyarakat masa kini gejala pengabaian tanggungjawab keluarga semakin membimbangkan. Antara bentuk pengabaian yang sering berlaku termasuklah kegagalan suami menyediakan nafkah kepada isteri dan anak-anak, pengabaian tanggungjawab keibubapaan, serta penceraian yang tidak mengikut saluran undang-undang yang sah. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan keharmonian rumah tangga, bahkan memberi kesan negatif kepada pembangunan sosial dan moral masyarakat Islam.

## OBJEKTIF

- i. Mengenal pasti bentuk pengabaian tanggungjawab keluarga dalam kalangan masyarakat Islam serta peranan undang-undang Syariah dalam menanganinya.
- ii. Menekankan peranan penguatkuasaan undang-undang Syariah, terutamanya melalui Akta 303 dan peruntukan berkaitan, dalam menangani gejala tersebut.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berteraskan pendekatan doktrinal iaitu satu kaedah analisis perundangan yang menumpukan kepada penelitian sumber undang-undang bertulis bagi memahami prinsip, struktur dan pelaksanaan undang-undang Syariah dalam menangani gejala pengabaian tanggungjawab keluarga di Malaysia. Pendekatan doktrinal ini berfungsi untuk mengenalpasti, mentafsir dan menilai norma undang-undang yang sedia ada, khususnya berkaitan kewajipan nafkah, penjagaan anak dan tanggungjawab suami atau wali dalam kerangka perundangan Syariah.

## KONSEP TANGGUNGJAWAB KELUARGA DALAM ISLAM

Suami dan isteri hendaklah bersama-sama melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan penuh keikhlasan. Mereka perlu mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT serta bersabar dan tabah menghadapi setiap ujian dalam kehidupan berumah tangga. Pasangan suami isteri juga digalakkan untuk saling menasihati, membantu, bekerjasama, berlapang dada dalam memberi dan menerima kemaafan, serta memupuk sifat *husn al-zann* (berbaik sangka) tanpa perasaan curiga antara satu sama lain. Selain itu, kedua-duanya perlu memikul tanggungjawab bersama dalam menghadapi cabaran dan kesulitan hidup, serta menyelesaikan masalah rumah tangga melalui perbincangan dan musyawarah (Muhammad & Jasmi, 2004)

Hak suami merupakan amanah yang wajib dipelihara oleh isteri setelah terjalinnya akad perkahwinan antara mereka. Ia merupakan tanggungjawab penting yang perlu dihormati dan ditunaikan dengan penuh kesedaran, kerana pengabaian terhadap hak suami boleh membawa implikasi yang serius sama ada di dunia mahupun di akhirat (Zawawi et al., 2008). Begitu juga hak isteri selepas akad nikah, tanggungjawab wali terhadap wanita tersebut berpindah kepada suaminya yang menjadi pelindung dan pemimpin dalam kehidupan berumah tangga. Oleh itu, menjadi kewajipan bagi suami untuk menunaikan segala tanggungjawabnya dalam memastikan hak-hak isterinya terpelihara. Hak-hak tersebut merangkumi aspek kewangan seperti nafkah serta aspek bukan kewangan seperti kasih sayang, perlindungan dan layanan yang baik. Suami yang menunaikan tanggungjawab ini dengan sempurna akan memperoleh ganjaran dan kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT (Zawawi et al., 2008).

## TANGGUNGJAWAB *QIWAMAH*

Konsep *qiwamah* merupakan antara prinsip utama dalam sistem kekeluargaan Islam yang menegaskan tanggungjawab kepimpinan suami terhadap isteri dan rumah tangganya. Istilah *qiwamah* berasal daripada lafaz *qawwam* dalam surah al-Nisa' ayat 34 yang bermaksud "lelaki adalah pemimpin dan pelindung bagi wanita." Menurut Imam al-Qurtubi (Al-Qurthubi, 2006), kepimpinan ini bukanlah bentuk kezaliman atau dominasi mutlak, sebaliknya merupakan amanah dan tanggungjawab moral yang berpaksikan kelebihan dan tanggungjawab tertentu yang diberikan oleh Allah kepada lelaki.

Beliau menghuraikan bahawa kelebihan lelaki (*al-faḍīlah*) terletak pada keupayaan berfikir, kebijaksanaan mentadbir serta kekuatan fizikal dan emosi yang menjadikannya lebih sesuai memikul tanggungjawab kepimpinan. (Al-Qurthubi, 2006) menulis:

إن الرجال لهم فضيلة في زيادة العقل والتدبير فجعل لهم حق القيام عليهم

Maksudnya: Sesungguhnya lelaki memiliki kelebihan dari segi akal dan kebolehan mentadbir, maka

dengan sebab itu mereka diberikan hak untuk memimpin dan bertanggungjawab terhadap wanita

Pandangan ini selaras dengan prinsip al-Quran yang menyebut dua asas utama *qiwamah* iaitu kelebihan semula jadi lelaki dalam aspek kekuatan dan rasionaliti serta kewajipan memberi nafkah kepada isteri. Suami berkewajipan mengurus rumah tangga, mendidik isteri, memelihara maruah keluarga dan menunaikan nafkah zahir serta batin dengan penuh kasih sayang dan rahmah.

Al-Qurthubi (2006) turut menjelaskan bahawa kuasa *qiwamah* bukan lesen untuk menzalimi, malah apabila isteri menjaga hak-hak suaminya, maka tidak wajar bagi lelaki bersikap kasar atau buruk terhadap isterinya. Hal ini menunjukkan bahawa kepimpinan suami dalam Islam bersifat tanggungjawab spiritual dan etika bukan kekuasaan mutlak.

## **BENTUK PENGABAIAN TANGGUNGJAWAB KELUARGA**

Pengabaian tanggungjawab keluarga merujuk kepada kegagalan individu dalam melaksanakan kewajipan yang telah ditetapkan oleh syarak dan undang-undang terhadap ahli keluarganya. Bentuk pengabaian ini boleh dilihat daripada beberapa aspek utama seperti berikut:

### **i. Pengabaian Nafkah Zahir Dan Batin**

Isu pengabaian nafkah zahir dan batin terus menjadi cabaran besar dalam masyarakat Islam di Malaysia. Menurut Datuk Dr. Mohd Na'im Mokhtar Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sebanyak 152 kes *hiwalah* telah didaftarkan di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) setakat September 2024 dan 26 daripadanya berjaya diselesaikan melalui pembekuan akaun bank milik penghutang penghakiman (Sinar Harian, 2024).

Beliau menjelaskan bahawa tindakan tersebut adalah hasil daripada pindaan terhadap beberapa akta kewangan, termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759), yang kini membolehkan Mahkamah Syariah mengeluarkan perintah *hiwalah* untuk melaksanakan sekatan akaun bank terhadap bekas suami atau bapa yang culas memberi nafkah. Langkah ini menurut beliau merupakan "sinar baharu" bagi isteri dan anak-anak yang teraniaya akibat kegagalan pemberian nafkah.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa pengabaian nafkah bukan sekadar isu moral atau kekeluargaan, tetapi turut menjadi persoalan penguatkuasaan undang-undang Syariah. Ia juga memperlihatkan kesungguhan pihak kerajaan dalam memperkukuhkan pelaksanaan undang-undang Islam bagi menjamin keadilan sosial serta melindungi hak wanita dan anak-anak dalam sistem keluarga Islam.

### **ii. Pengabaian Keibubapaan**

Pengabaian ibu bapa terhadap anak-anak sering berlaku akibat kurangnya kepekaan dan perhatian terhadap tingkah laku serta aktiviti anak, sama ada ketika berada di rumah atau di luar jagaan mereka. Sikap sambil lewa dan tidak ambil peduli ini boleh menyebabkan berlakunya pengabaian fizikal, yang akhirnya memberi kesan negatif kepada perkembangan anak-anak. Akibatnya, mereka mudah terdedah kepada pengaruh dan perbuatan yang memudaratkan tanpa disedari. Situasi ini menunjukkan kegagalan ibu bapa dalam melaksanakan tanggungjawab serta peranan mendidik yang telah diamanahkan kepada mereka (Mohammad Ramzi Zakaria, 2015).

Kelemahan dalam kawalan dan pemantauan ibu bapa terhadap aktiviti harian anak-anak menjadi antara faktor penyumbang kepada peningkatan kes remaja bermasalah. Keadaan ini menunjukkan bahawa institusi keluarga berperanan penting sebagai benteng pertama dalam membentuk akhlak dan nilai moral anak-anak. Justeru, pengabaian tanggungjawab keibubapaan bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan individu, tetapi turut memberi kesan terhadap kestabilan sosial masyarakat secara keseluruhannya (Norhashimah, 2022).

Dalam Islam, Rasulullah SAW menegaskan bahawa setiap individu adalah pemimpin dan akan dipertanggungjawabkan atas kepimpinannya. Sabda baginda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap kepimpinannya.

Hadis ini menggambarkan betapa beratnya amanah keibubapaan dalam Islam, dan sebarang pengabaian terhadapnya dianggap sebagai satu bentuk kecuaiian terhadap tanggungjawab agama dan sosial.

### iii. Perceraian Luar Mahkamah

Dalam membincangkan berkaitan perceraian luar mahkamah ini, penyelidik akan merujuk kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 198 (Akta 303) & Kaedah-Kaedah (selepas ini disebut sebagai Akta 303). Perceraian luar mahkamah berdasarkan seksyen 55A. (1) Akta 303

Seseorang yang telah menceraikan isterinya dengan lafaz talaq di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah, hendaklah dalam masa tujuh hari dari pelafazan talaq itu melaporkan kepada Mahkamah

Peruntukan ini menetapkan bahawa setiap perceraian wajib didaftarkan di Mahkamah Syariah. Tujuan pendaftaran tersebut adalah bagi memastikan kawalan terhadap penyalahgunaan kuasa talak, khususnya dalam kalangan lelaki di Wilayah Persekutuan. Sekiranya perceraian tidak didaftarkan, ia boleh menimbulkan pelbagai implikasi dan masalah kepada pasangan yang bercerai, termasuk risiko suami menyalahgunakan hak talak yang dimilikinya. Oleh itu, keperluan pendaftaran ini amat penting bagi memastikan setiap perceraian dijalankan secara sah, teratur dan selaras dengan ketetapan undang-undang sekali gus mengelakkan berlakunya perceraian tanpa kebenaran mahkamah (Berhan & Wan Ismail, 2016).

Oleh itu, perceraian luar mahkamah boleh dianggap sebagai satu bentuk pengabaian tanggungjawab keluarga, kerana ia berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab terhadap prosedur syarie dan kegagalan menghormati peranan mahkamah sebagai penjaga keadilan dalam urusan kekeluargaan Islam.

## PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG SYARIAH DALAM MENANGANI PENGABAIAN TANGGUNGJAWAB KELUARGA

Dalam konteks perundangan Islam di Malaysia, penguatkuasaan undang-undang Syariah memainkan peranan penting bagi memastikan setiap tanggungjawab dalam institusi keluarga dipelihara mengikut kehendak syarak. Antara peruntukan utama yang digunakan ialah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri-negeri) dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).

Akta ini memperincikan hak dan tanggungjawab antara suami, isteri dan anak-anak, termasuk

berkaitan nafkah (Seksyen 59-72), nusyuz (Seksyen 127), dan hak penjagaan anak (Seksyen 82-87). Melalui peruntukan ini, Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah nafkah, perintah penjagaan dan tindakan tatatertib terhadap pihak yang ingkar. Menurut Akta 585 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998, Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan perintah (*enforcement*) seperti writ tahanan, writ sitaan dan perintah hiwalah (pemindahan akaun bank) terhadap individu yang gagal menunaikan tanggungjawabnya contohnya, bekas suami yang culas membayar nafkah kepada anak dan isteri.

Langkah ini disokong oleh Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang berfungsi membantu pelaksanaan dan pemantauan perintah nafkah di seluruh negara. Sebagai contoh, menurut laporan JKSM (2023), sebanyak 152 kes *hiwalah* telah didaftarkan di Bahagian Sokongan Keluarga setakat September 2023, dengan beberapa kes berjaya diselesaikan melalui pembekuan akaun bank milik bekas suami yang culas membayar nafkah. Langkah ini merupakan satu bentuk penguatkuasaan undang-undang Syariah yang proaktif bagi melindungi kebajikan wanita dan anak-anak.

Selain itu, Jabatan Agama Islam Negeri (seperti JAIS, JAIP, JHEAINS) turut memainkan peranan dalam penguatkuasaan dan pemantauan kes-kes pengabaian tanggungjawab keluarga, terutamanya dalam konteks kaunseling rumah tangga, siasatan kes nusyuz, dan bimbingan kepada pasangan yang menghadapi konflik. Pelaksanaan undang-undang Syariah perlu disokong dengan kaedah penguatkuasaan yang berkesan agar perintah mahkamah benar-benar dilaksanakan bukan sekadar bersifat pernyataan (Abdul Hamid, 2020)

## **CABARAN DALAM PENGUATKUASAAN**

Walaupun undang-undang Syariah telah menyediakan kerangka yang kukuh, pelaksanaannya menghadapi beberapa cabaran. Antara cabaran utama ialah kekangan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terhad kepada orang Islam sahaja dan tidak mempunyai kuasa ke atas pihak bukan Islam dalam kes campur agama (Norhashimah, 2022). Selain itu, kelewatan proses pengadilan serta kekangan sumber manusia dan kewangan turut menjejaskan keberkesanan penguatkuasaan keputusan mahkamah (Zainudin & Rahim, 2021). Hal ini sepertimana dalam kes *Latifah Mat Zin v Rosmawati Sharibun & Anor (2007)* menonjolkan cabaran struktur yang secara tidak langsung menyumbang kepada pengabaian tanggungjawab keluarga, apabila batas bidang kuasa dan kelemahan pelaksanaan keputusan Mahkamah Syariah menghalang perlindungan hak ahli keluarga, khususnya wanita dan anak-anak. Tambahan lagi, pelaksanaan undang-undang Syariah di Malaysia masih berdepan pelbagai cabaran meskipun telah disediakan kerangka perundangan yang kukuh sepertimana dalam Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukan Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa terhadap hal ehwal orang Islam. Keputusan ini menunjukkan keterbatasan Mahkamah Syariah dalam melaksanakan keputusannya apabila melibatkan unsur atau pihak bukan Islam.

Kekangan ini secara tidak langsung memberi implikasi terhadap pengabaian tanggungjawab keluarga, khususnya dalam kes nafkah, penjagaan anak dan pembahagian harta selepas perceraian atau kematian. Dalam kes keluarga campur agama, contohnya, Mahkamah Syariah tidak berkuasa untuk menguatkuasakan perintah nafkah terhadap pihak bukan Islam, menyebabkan kebajikan anak dan isteri sering terabai. Selain itu, kelewatan proses mahkamah serta kekangan sumber manusia turut menjejaskan keberkesanan penguatkuasaan keputusan yang melibatkan nafkah dan kebajikan keluarga.

Oleh itu, kes ini memperlihatkan keperluan kepada koordinasi antara institusi kehakiman sivil dan Syariah, serta pengukuhan sumber pentadbiran Mahkamah Syariah agar pelaksanaan undang-undang Islam dapat melindungi institusi keluarga dengan lebih berkesan dan mengurangkan pengabaian tanggungjawab dalam kalangan umat Islam.

Kurangnya kesedaran masyarakat terhadap hak dan tanggungjawab kekeluargaan merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada berlakunya pengabaian dalam institusi keluarga. Ramai individu tidak mengetahui hak mereka di bawah undang-undang Syariah serta gagal mengambil tindakan sewajarnya apabila berlaku pelanggaran tanggungjawab seperti pengabaian nafkah, penjagaan anak, atau penderaan emosi. Keadaan ini menggambarkan kelemahan dari segi literasi undang-undang dalam kalangan umat Islam yang boleh menjejaskan keutuhan institusi kekeluargaan. Oleh itu, pendidikan undang-undang Syariah yang menyeluruh perlu diperhebatkan agar masyarakat memahami hak dan tanggungjawab masing-masing, sekali gus memperkukuh sistem kekeluargaan Islam yang berasaskan prinsip keadilan dan kasih sayang (Ahmad & Salleh, 2020; Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia [JKSM], 2021).

Justeru, usaha mempertingkatkan kesedaran undang-undang Syariah dalam kalangan masyarakat amat penting bagi memastikan setiap ahli keluarga melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah. Langkah ini bukan sahaja dapat mencegah berlakunya pengabaian tanggungjawab, tetapi juga memperkukuh kestabilan institusi keluarga Islam yang menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera dan berakhlak.

## **CADANGAN**

Bagi memperkukuh pelaksanaan undang-undang Syariah di Malaysia, satu pendekatan menyeluruh yang melibatkan kerjasama strategik antara pelbagai pihak perlu diberi penekanan. Agensi agama Islam negeri, Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan perlu mewujudkan satu rangka jaringan kolaboratif yang mantap dan tersusun. Melalui sinergi ini, pemantauan terhadap isu-isu kekeluargaan seperti pengabaian nafkah, penderaan rumah tangga dan pertikaian hak penjagaan anak dapat dijalankan dengan lebih berkesan serta berorientasikan pemulihan, bukan sekadar penguatkuasaan semata-mata.

Selain itu, aspek pendidikan dan kesedaran masyarakat terhadap undang-undang Syariah juga perlu dipertingkatkan. Program pendidikan seperti kursus praperkahwinan, seminar kekeluargaan Islam, dan kempen kesedaran melalui media massa serta platform digital perlu diperluas agar masyarakat memahami hak, tanggungjawab dan prosedur perundangan Syariah dengan lebih jelas. Langkah ini sejajar dengan saranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM, 2023) yang menekankan pentingnya literasi undang-undang keluarga Islam sebagai asas kesejahteraan institusi kekeluargaan.

Pada masa yang sama, sistem penguatkuasaan undang-undang Syariah juga perlu dimodenkan dengan penerapan teknologi digital. Penggunaan sistem pangkalan data bersepadu bagi pemantauan kes nafkah, pelaporan atas talian serta penggunaan aplikasi mudah alih bagi memudahkan aduan dan pemantauan boleh meningkatkan ketelusan dan keberkesanan proses pelaksanaan undang-undang. Dengan adanya sistem yang cekap dan mesra pengguna, beban pentadbiran dapat dikurangkan dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat Islam dapat dipertingkat.

Secara keseluruhannya, kejayaan memperkukuh pelaksanaan undang-undang Syariah bergantung kepada keseimbangan antara aspek penguatkuasaan, pendidikan, dan sokongan sosial.

Usaha bersepadu ini bukan sahaja memperkukuh integriti sistem perundangan Syariah, malah dapat memastikan kesejahteraan dan keharmonian institusi keluarga Islam terus terpelihara dalam menghadapi cabaran masyarakat moden.

## **KESIMPULAN**

Penguatkuasaan undang-undang Syariah bukanlah bertujuan untuk menghukum semata-mata, tetapi lebih kepada mendidik, membimbing serta memelihara keadilan, kesejahteraan dan keharmonian dalam institusi keluarga Islam. Setiap peruntukan dan tindakan dalam undang-undang Syariah membawa matlamat yang luhur, iaitu memastikan hak dan tanggungjawab suami, isteri serta anak-anak dapat dilaksanakan dengan seimbang dan berlandaskan prinsip maqasid Syariah. Keberkesanan sistem ini tidak hanya bergantung kepada kekuatan perundangan semata-mata, tetapi juga kepada kesedaran, kefahaman dan komitmen semua pihak termasuk pasangan suami isteri, ahli keluarga, masyarakat dan institusi agama dalam menegakkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Apabila undang-undang Syariah dilaksanakan dengan penuh keadilan, hikmah dan kasih sayang, ia bukan sahaja dapat menyelesaikan pertikaian keluarga secara harmoni, malah turut memperkukuh asas masyarakat Islam yang sejahtera, berakhlak dan berperadaban tinggi. Hanya melalui pelaksanaan undang-undang yang adil, menyeluruh dan berteraskan nilai-nilai Islam, kesejahteraan keluarga serta kestabilan sosial umat dapat dipertahankan untuk generasi kini dan akan datang.

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Para penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

## **PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS**

Muhammad Addi Zawawi bin Azman (Pengumpulan data dan penulisan awal)

Mohammad Ramzi Zakaria (Metodologi dan Pemilihan data)

Mohd Saifuddin bin Abdul Karim (Analisis Data)

## **KESEDIAAN DATA DAN BAHAN**

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis koresponden.

## **PENYATAAN ETIKA**

Tidak berkenaan.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan yang diberikan oleh para penulis bersama.

## **RUJUKAN**

Abdul Hamid, M. (2020). *Isu dan cabaran penguatkuasaan Undang-Undang Keluarga Islam di*

*Malaysia. Jurnal Syariah dan Undang-Undang Kontemporari.*

- Ahmad, N., & Salleh, M. F. (2020). *Kesedaran undang-undang Syariah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berhan, A., & Wan Ismail, W. A. F. (2016). Pengetahuan masyarakat Islam terhadap perceraian luar mahkamah di Daerah Tampin, Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*.
- Ismail, M. H. B. (2024). *Nafkah tertunggak: Pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang di Mahkamah Syariah di Malaysia* [Tesis Sarjana]. Universiti Sains Malaysia.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (2023). *Laporan tahunan Bahagian Sokongan Keluarga*. Putrajaya: JKSM.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2021). *Laporan tahunan JKSM 2021: Penguatkuasaan sistem kehakiman Syariah ke arah keberkesanan pentadbiran undang-undang Islam*. Putrajaya: JKSM.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). (2023). *Pelan Strategik Pembangunan Keluarga 2023–2027*. Putrajaya: KPWKM.
- Mohammad Ramzi Zakaria. (2015). Kecuaian dan pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa: Kedudukannya di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan prinsip Syariah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*.
- Mohd Fauzi, H. (2020). Pemantapan institusi kekeluargaan Islam melalui pendekatan undang-undang dan pendidikan. *Journal of Islamic Administration*.
- Muhammad, A., & Jasmi, K. A. (2004). Pengabaian tanggungjawab suami terhadap hak isteri di kalangan orang-orang Melayu. *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004*.
- Norhashimah, H. (2022). Kesedaran masyarakat terhadap hak kekeluargaan Islam di Malaysia. *Jurnal Sosio-Islamik Malaysia*.
- Norhashimah, H. (2022). Peranan keluarga dalam mencegah gejala sosial remaja: Analisis dari perspektif Islam dan psikologi. *Journal of Islamic Social Studies*.
- Al-Qurthubi. (2006). *Al-Jaami' u Al-Ahkami Al-Quran*. Mausū'ah al-Risalah.
- Mohd Naim. (2024, Oktober 25). 152 kes hiwalah didaftar di BSK JKSM. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/753869/berita/nasional/152-kes-hiwalah-didaftar-di-bsk-jksm-setakat-september---mohd-naim>
- Yusof, M. I. bin M. (2019). *Konsep Rahmah dalam institusi keluarga*. Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Zainudin, A., & Rahim, N. (2021). Cabaran bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam penguatkuasaan undang-undang keluarga. *Jurnal Undang-Undang Islam Malaysia*.
- Zawawi, M., Bakar, A., Khudzri, W. A. R., & Abdullah, W. (2008). Hak suami isteri dalam perkahwinan Islam: Analisis menurut fiqh. *Rekayasa Journal of Ethics, Legal and Governance*.